

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

PROGRAM PENGALAKKAN STEM 3: SMK MUARA TUANG

Oleh: Siti Nursarjana Malim

info kampus

72nd ISSUE


19

Gabungan 30 orang pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 dari SMK Muara Tuang telah menyertai Program STEM pada 8-9 April 2016 yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jabatan Sains Komputer, UiTM Sarawak buat kali yang kedua.

Pengisian seperti Bengkel Web Development dan Bengkel Multimedia Development merupakan acara utama program yang dijalankan selama 2 hari di Blok B, Kampus Samarahan 2. Melalui pengisian selama 2 hari ini, pihak Jabatan Sains Komputer telah berkongsi kepakaran masing-masing dalam bidang pembangunan web dan pembangunan multimedia bersamasama para peserta. Boleh dikatakan kesemua peserta memberi maklumbalas bahawa mereka berasa sangat gembira dan teruja kerana dapat belajar perkara baru di samping menambah ilmu pengetahuan dalam bidang IT. Cik Adeline Engkamat, Ketua Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pengurusan Pelancongan juga melahirkan rasa bersyukur dan terima kasih beliau terhadap sambutan dan penyertaan yang menggalakkan

semasa beliau berucap pada majlis penutup program yang telah diadakan secara ringkas di Auditorium FSG, Blok B, Kampus Samarahan 2 pada 9 April 2016. Para peserta diberikan sijil penyertaan sebagai tanda penghargaan pihak penganjur atas penglibatan dan komitmen yang ditunjukkan.

Kerjasama yang terjalin di antara pihak Jabatan Sains Komputer dan pihak sekolah SMK Muara Tuang diharapkan dapat mewujudkan kesedaran dan meningkatkan minat para pelajar dalam STEM terutamanya terhadap IT. Pihak penganjur berharap pada masa-masa akan datang, lebih banyak aktiviti STEM dapat dianjurkan dengan bantuan semua pihak yang berkenaan terutamanya dari segi perolehan dana untuk menjayakan aktiviti STEM dalam skala yang lebih besar.



PROGRAM PENGALAKKAN STEM 4: WEB DEVELOPMENT WORKSHOP (SMK MUARA TUANG)

Oleh: Siti Nursarjana Malim

SMK Muara Tuang sekali lagi berkunjung ke UiTM Sarawak selepas kunjungan mereka pada 8-9 April 2016 yang lalu. Kunjungan kali kedua yang diadakan pada 9 Mei 2016 disertai oleh kumpulan pelajar salah satu kelab di sekolah tersebut iaitu Students' Voice Group (SVG). Seramai 30 orang pelajar bersama 4 orang guru pembimbing kelab hadir dengan penuh bersemangat untuk mengikuti Web Development Workshop. Aktiviti selama satu hari mendedahkan para pelajar tentang konsep asas pembangunan laman web menggunakan HTML dan CSS.

Semasa diminta berucap bagi mewakili kelabnya di penghujung sesi bengkel, Presiden kelab Students' Voice Group menyatakan bahawa dia sangat berterima kasih kepada pihak Jabatan Sains Komputer, UiTM Sarawak di atas kesudian menerima permohonan kelab tersebut supaya diadakan bengkel berkaitan pembangunan web selama satu hari. Dia juga memaklumkan bahawa dia dan ahli-ahli kelabnya akan memanfaatkan pengetahuan yang telah dikongsikan oleh pihak penganjur untuk

membangunkan laman web kelab SVG yang tersendiri supaya dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk mendaftar sebagai ahli kelab tersebut di samping memperkenalkan kelab SVG, SMK Muara Tuang kepada masyarakat umum secara tidak langsung. Kesemua peserta berpuas hati dapat menyertai bengkel ini dan menyatakan hasrat untuk menyertainya lagi pada masa akan datang, mungkin dalam kelompok peserta yang lebih ramai dan tempoh bengkel dilanjutkan kepada 2 hari.

Pihak Jabatan Sains Komputer sentiasa bersedia dan berbesar hati untuk menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan dari masa ke semasa sekiranya ada permintaan daripada pihak luar, tertakluk kepada kesesuaian masa dan kekangan tugas di universiti. Pihak penganjur juga berharap melalui bengkel ini, objektif penganjuran dan penyertaan kedua-dua pihak telah dapat dipenuhi dan memberi manfaat terutamanya kepada semua peserta.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my